

	BORANG PERMOHONAN KELULUSAN PELAN LANDSKAP			
	NO. DOKUMEN ISO :	MPJ-JLPB(0)-01	TARIKH	01 JUN 2023
	NO. KELUARAN	01	MUKA SURAT	01 / 07
PINDAAN	01	NO. BORANG	PK-JLPB-001/R1	

Tajuk Projek :	..... ..... .....		
Nama & Alamat Pemaju Atau Pemilik :	..... ..... No. Tel.: ..... No. Fax.: .....		
Nama & Alamat Perunding Landskap :	..... ..... No. Tel.: ..... No. Fax.: .....		
Tarikh Permohonan :	.....	Tarikh Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang :	.....

Jenis Permohonan :       Permohonan Baru       Pelan Pindaan  
 No. Rujukan Pelan Asal:  
 .....

Kepada:  
 Jabatan Landskap & Perkhidmatan Bandar,  
 Majlis Perbandaran Jasin,  
 77000 Jasin, Melaka.

Tuan,

Saya / Kami .....  
 (Nama Pemohon Dengan Huruf Besar)

dengan ini memohon untuk kelulusan pelan landskap bagi projek yang tersebut di atas dan seperti yang ditetapkan oleh pihak Majlis Perbandaran Jasin, saya / kami menjelaskan bayaran permohonan sejumlah RM ..... (Ringgit Malaysia.....)

di atas nama Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Jasin dalam bentuk \* tunai / cek / bank draf dan lain-lain.

Tarikh: .....  
 .....  
 (Tandatangan & Cop Pemohon)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT	
No. Rujukan:	
Tarikh Terima Permohonan:	
Disemak Oleh:	..... Arkitek Landskap, Majlis Perbandaran Jasin, Melaka

## GARIS PANDUAN LANDSKAP MAJLIS PERBANDARAN JASIN

### 1. KADAR BAYARAN BAGI PEMOHON KELULUSAN PELAN LANDSKAP MENGIKUT KATEGORI

BIL	JENIS PERMOHONAN	KADAR BAYARAN	
		PERMOHONAN BARU (setiap permohonan)	PERMOHONAN SEMULA (setiap permohonan)
1	<b>KATEGORI A</b> i. Projek perumahan melebihi 300 unit ii. Projek Pangsapuri Dan Kondominium iii. Projek Pembangunan Bersepadu iv. Taman Rekreasi v. Kompleks Sukan vi. Kilang-kilang vii. Stesen Minyak viii. Stesen Janakuasa	<b>RM1,250.00</b>	<b>RM625.00</b>
2	<b>KATEGORI B</b> i. Projek Perumahan Dari 100-300 Unit ii. Kompleks Membeli Belah iii. Kompleks Perdagangan iv. Hotel v. Institusi Swasta Dan Kerajaan vi. Rumah Kedai Yang Melebihi 20 Unit Yang Dikemukakan Berasingan	<b>RM1,000.00</b>	<b>RM500.00</b>
3	<b>KATEGORI C</b> i. Projek Perumahan Dari 50-99 Unit ii. Lot-lot Kedai iii. Kerja-Kerja Penyambungan Dan Perubahan iv. Bangunan Tadika v. Rumah Ibadat	<b>RM750.00</b>	<b>RM375.00</b>
4	<b>KATEGORI D</b> i. Selain daripada di atas	<b>RM500.00</b>	<b>RM250.00</b>

## 2. SYARAT-SYARAT KELULUSAN PELAN LANDSKAP

### A) Pemilihan Pokok.

Pokok-pokok yang ditanam hendaklah menurut cadangan yang telah diluluskan di dalam Pelan Landskap. Semua perubahan hendaklah dimaklumkan segera secara bertulis kepada Jabatan Landskap dan Perkhidmatan Bandar, Majlis Perbandaran Jasin.

### B) Saiz Pokok.

Saiz pokok yang hendak ditanam mestilah mengikut spesifikasi yang telah diluluskan di dalam Pelan Landskap. Pihak Majlis Perbandaran Jasin berhak untuk tidak meluluskan penanaman jika pokok-pokok yang ditanam gagal mematuhi spesifikasi. Spesifikasi standard tanaman untuk kerja-kerja landskap bertujuan untuk memastikan kadar ketahanan yang tinggi bagi tumbuhan yang ditanam dan bagi mendapatkan kesan visual dalam tempoh masa yang singkat. Walau bagaimanapun, spesifikasi ini berbeza mengikut keadaan tapak dan fungsi penanaman yang dikehendaki. Berikut merupakan spesifikasi standard tanaman kerja-kerja landskap yang digalakkan penggunaannya di negeri Melaka:

BIL	JENIS TANAMAN	SPESIFIKASI
1	Pokok Utama (standars saiz)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tinggi Keseluruhan Pokok : 2100mm-3000mm</li> <li>● Tinggi Jelas Batang : 1800mm-2000mm</li> <li>● Diameter Batang : 25mm-50mm</li> <li>● Saiz Polibeg : 600mm x 600mm</li> <li>● Anak pokok hendaklah mempunyai batang utama yang lurus dan sistem dahan yang baik.</li> </ul>
2	Palma	<p><b>Palma Batang Tunggal</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Ketinggian Minimum Batang : 1200mm</li> <li>● Palma hendaklah mempunyai batang lurus dan daun yang rimbun</li> </ul> <p><b>Palma berkelompok</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Ketinggian Minimum Batang : 750mm</li> <li>● Palma hendaklah mempunyai batang lurus dan daun yang rimbun.</li> <li>● Minimum 3 batang palma dalam satu rumpun.</li> <li>● Tinggi batang palma - diukur dari atas tanah ke pangkal/ pelepah.</li> </ul>
3	Pokok renek	<p><b>Pokok renek tinggi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Tinggi keseluruhan pokok renek : 300mm-500mm</li> <li>● Saiz diameter kanopi minimum : 300mm diameter</li> <li>● Saiz polibag : 230mm x 230mm</li> </ul> <p><b>Pokok renek rendah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Tinggi keseluruhan pokok renek : 230mm-300mm</li> <li>● Saiz diameter kanopi minimum : 300mm diameter</li> <li>● Saiz polibag : 153mm x153mm</li> </ul>
4	Tanaman penutup bumi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tinggi keseluruhan : 150mm</li> <li>● Saiz polibag minimum : 150mm</li> <li>● Teknik susunan digalakkan : 9 anak pokok</li> </ul>
5	Rumput	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Ketulenan spesis : 95 %</li> <li>● Kawasan bercerun dan kawasan lapang : <i>Close turfing</i></li> <li>● Kawasan bahu jalan : <i>Sport turfing</i> dengan jarak 6" ke 6".</li> </ul>

**\*Spesifikasi standard tanaman kerja-kerja landskap yang digalakkan penggunaannya di Negeri Melaka**

### C) Lubang Penanaman Pokok.

Pokok-pokok utama yang ditanam mestilah di dalam keadaan subur, segar dan rimbun. Lubang penanaman bagi pokok utama hendaklah berukuran 1m x 1m x 1m, pokok renek 500mm x 500mm x 500mm dan penutup bumi ialah 250mm x 250mm x 250mm. Penggunaan tanah 'top soil' adalah perlu semasa penanaman.

### D) Kayu Pancang.

Kayu pancang mestilah dari kayu yang berkualiti dan tahan reput. Warna yang digalakkan untuk digunakan adalah warna hijau (*moss green*). Kayu tersebut hendaklah berukuran 2500mm x 25mm x 50mm. Pastikan bebola akar tidak rosak apabila melakukan kerja-kerja pemancangan. Pokok-pokok utama hendaklah diikat dengan menggunakan tiub getah atau plastik yang dibenarkan. Kotak pengadang (*curb*) digalakkan bagi kawasan-kawasan yang mempunyai masalah binatang ternakan. Pemakaian kolar yang diperbuat dari PVC paip dibahagian pangkal pokok khususnya pokok yang ditanam di kawasan berumput agar semasa kerja-kerja pemotongan rumput tidak mencederakan banir pokok.

### E) Penanaman Rumput.

Penanaman rumput di kawasan padang bola atau taman permainan, tanah perlu diparaskan untuk mendapatkan kecerunan minima 1:60 bagi mengelakkan takungan air. Rumput yang ditanam mestilah mempunyai ketulenan tidak kurang daripada 95% dengan kategori penanaman "*Close turfing*" bagi kawasan yang bercerun dan kawasan lapang. Manakala "*Spot turfing*" dengan jarak 6" ke 6" bagi penanaman di kawasan bahu jalan dan kawasan lain.

### F) Sistem Tanaman

- i. Tanaman pokok di rezab tanah dan di sekeliling sempadan (perimeter) perlu diselaraskan dengan pokok sediaada atau yang bersesuaian.
- ii. Pokok yang ditanam di kawasan yang terhad terutama di kawasan pusat bandar perlu disediakan dengan sistem kawalan akar (*Deep root system*) terutama di kawasan 'hardscape'.
- iii. Pemilihan spesis pokok yang di tanam perlu daripada jenis segera, segar dan sihat serta memberi impak yang baik dan sesuai terutama dari segi keteduhan, kehijauan dan keindahan.

### G) Tempat Letak Kereta

- i. Perlu ditanam pokok dengan spesifikasi yang sesuai dan bagi kawasan yang terhad, penggunaan kotak bunga digalakkan.
- ii. Minima 2 meter lebar rezab tanaman perlu disediakan di sempadan kawasan tempat letak kereta terbuka.
- iii. Pokok perlu ditanam di setiap 3 petak kereta jika ditanam dengan pokok sederhana rendah.
- iv. Semua pokok perlu ditanam lurus, diikat dan dipancang kemas.

### H) Alat Permainan Kanak-kanak

#### ● KATEGORI A : UNIT PERUMAHAN / KEDIAMAN MELEBIHI 300 UNIT KEATAS

- i. 1 Unit '*Intergrated play structure / main play equipment*' dengan mempunyai 25 keatas komponen permainan.
- ii. 2 Unit buaian dengan 2 tempat duduk (WAJIB).
- iii. 3 Unit '*Spring rider*' (pilihan).
- iv. 2 Unit '*See saw*' 4 tempat duduk (WAJIB).
- v. '*Rubber tiles*' pada *landing area* atau *EPDM seamless flooring*.
- vi. Papan tanda alat permainan.
- vii. Tong sampah perlu disediakan bagi setiap 50 Unit rumah bersamaan dengan 2 unit tong sampah.
- viii. Laluan pejalan kaki dengan minima 2 meter lebar.
- ix. 3 Unit wakaf dengan saiz minimum 4000mm x 4000mm dan rekabentuk tertakluk kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.
- x. 6 Unit alat senaman/*par course*.
- xi. 1 Unit gelanggang sukan badminton/takraw/futsal/padang bola.
- xii. 1 Kawasan refleksologi.
- xiii. 1 Unit papan tanda alat senaman.

} Loose item

- xiv. Lampu taman solar.
- xv. Bangku taman (Setiap 50 unit rumah bersamaan 2 unit bangku taman perlu disediakan dengan tapak konkrit secara kekal).

● **KATEGORI B : UNIT PERUMAHAN / KEDIAMAN DENGAN 100-300 UNIT**

- i. 1 Unit '*Intergrated play structure / main play equipment*' dengan mempunyai 19-24 komponen permainan.
- ii. 2 Unit buaian dengan 2 tempat duduk (WAJIB).
- iii. 2 Unit '*Spring rider*' (pilihan).
- iv. 1 Unit '*See saw*' 4 tempat duduk (WAJIB).
- v. '*Rubber tiles*' pada *landing area* atau *EPDM seamless flooring*.
- vi. Papan tanda alat permainan.
- vii. Tong sampah perlu disediakan bagi setiap 50 Unit rumah bersamaan dengan 2 unit tong sampah.
- viii. Laluan pejalan kaki dengan minima 2 meter lebar .
- ix. 2 Unit wakaf dengan saiz minimum 4000mm x 4000mm dan rekabentuk tertakluk kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.
- x. 4 Unit alat senaman/*par course*.
- xi. 1 Unit gelanggang sukan badminton/takraw/futsal/padang bola.
- xii. 1 Unit papan tanda alat senaman.
- xiii. Lampu taman solar.
- xiv. Bangku taman dengan tapak konkrit minima 12 nos.

} Loose item

● **KATEGORI C : UNIT PERUMAHAN / KEDIAMAN DENGAN 55-99 UNIT**

- i. 1 Unit '*Intergrated play structure / main play equipment*' dengan mempunyai 15-18 komponen permainan.
- ii. 1 Unit buaian dengan 2 tempat duduk (WAJIB).
- iii. 2 Unit '*Spring rider*' (pilihan).
- iv. 1 Unit '*See saw*' 2 tempat duduk (WAJIB).
- v. '*Rubber tiles*' pada *landing area* atau *EPDM seamless flooring*.
- vi. Papan tanda alat permainan.
- vii. 2 unit tong sampah.
- viii. Laluan pejalan kaki dengan minima 2 meter lebar .
- ix. 1 Unit wakaf dengan saiz minimum 4000mm x 4000mm dan rekabentuk tertakluk kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.
- x. Bangku taman dengan tapak konkrit minima 2 nos.

} Loose item

● **KATEGORI D : UNIT PERUMAHAN / KEDIAMAN DENGAN 50 UNIT**

- i. 1 Unit '*Intergrated play structure / main play equipment*' dengan mempunyai 10-14 komponen permainan.
- ii. 1 Unit buaian dengan 2 tempat duduk (WAJIB).
- iii. 2 Unit '*Spring rider*' (pilihan).
- iv. 1 Unit '*See saw*' 2 tempat duduk (WAJIB).
- v. '*Rubber tiles*' pada *landing area* atau *EPDM seamless flooring*.
- vi. Papan tanda alat permainan.
- vii. 1 unit tong sampah.
- viii. Bangku taman dengan tapak konkrit minima 2 nos.

} Loose item

**I) Pemberitahuan Kepada Pihak Majlis.**

Pihak pemohon hendaklah memaklumkan dan membuat lawatan bersama bagi peringkat-peringkat kerja-kerja tersebut.

- i. Penyediaan lubang penanaman
- ii. Pemeriksaan bahan tanaman
- iii. Penggunaan "top soil" atau tanah yang dibaik pulih

### 3. PELAN LANDSKAP YANG TIDAK LENGKAP

Pelan-pelan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi syarat, jabatan landskap dan perkhidmatan bandar akan menghantar surat untuk perbincangan pembetulan. Pihak pemohon perlu menghantar semula permohonan yang telah diperbetulkan. Pelan landskap yang telah diluluskan hanya boleh digunapakai untuk tempoh **24 bulan sahaja**.

### 4. PELAN PINDAAN

Jika terdapat perubahan di tapak yang akan menjejaskan Pelan Landskap yang diluluskan, pemohon perlu mengemukakan Pelan Landskap (*As-Built Drawing*) yang baru.

### 5. PERMOHONAN KELULUSAN PENEBAANGAN POKOK SEDIAADA

Setiap permohonan bagi mendapatkan kelulusan penebangan pokok sediaada perlu mengemukakan Laporan TCLM kepada pihak PBT. Pemohon perlu menyediakan dokumen dan butiran terperinci di dalam Laporan TCLM tersebut semasa peringkat Kebenaran Merancang (KM).

Pemohon perlu mengemukakan dokumen dan butiran terperinci seperti dibawah:

- i. Mengemukakan pelan topografi kawasan pembangunan menunjukkan lokasi pokok;
- ii. Nama spesis pokok yang terlibat;
- iii. Ukuran pokok (garis/lilitan dan ketinggian) ;
- iv. Gambar pokok-pokok yang terlibat;

\*Jika penebangan pokok dilakukan tanpa kelulusan Majlis, maka pihak pemaju akan diarahkan mengganti semula pokok tersebut menegikut saiz asal dan didenda minima sebanyak RM 5,000.00 dan maksima RM 50,000.00 (Akta Perancang Bandar 1972 Pindaan 1995 - A933).

### 6. PERLAKSANAAN PROJEK LANDSKAP

- i. Pelaksanaan projek landskap perlu mematuhi semua kehendak serta spesifikasi sepertimana di dalam pelan yang diluluskan.
- ii. Projek landskap perlu disiapkan dalam tempoh yang telah diluluskan.
- iii. Spesis-spesis pokok yang diluluskan, perlu dibuat stok tanaman di tapak semaian bagi memastikan pokok-pokok yang ditanam telah cukup besar dan mematuhi spesifikasi yang telah diluluskan.
- iv. Tanaman boleh dilaksanakan mengikut fasa yang telah disiapkan, tanpa perlu menantikan siapnya keseluruhan projek.
- v. Pokok-pokok yang ditanam perlu sihat dan segar dan lubang-lubang tanaman pokok perlu mematuhi spesifikasi yang diluluskan.
- vi. Kawasan lapang untuk berekreasi (seperti padang bola) perlu dilengkapi dengan sistem pengairan saliran (*sub oil drainage*) tanaman pokok, tiang gol dan tempat duduk dan ditanam dengan rumput secara rapat sepertimana pelan yang diluluskan.
- vii. Padang permainan kanak-kanak perlu dilengkapi dengan perkakas permainan yang telah diluluskan mengikut piawaian SIRIM di samping menyediakan kemudahan lain untuk pengguna.
- viii. Kebersihan kawasan projek perlu sentiasa dijaga.

## 7. KEGAGALAN MEMATUHI KEHENDAK-KEHENDAK LANDSKAP

- i. Jika sekiranya pemaju gagal mematuhi pelan landskap yang diluluskan seperti kekurangan dari jumlah pokok yang ditanam, sumbangan mengikut kadar harga spesis pokok perlu dijelaskan kepada pihak PBT.
- ii. Pihak pemaju juga boleh membekalkan jumlah pokok yang gagal ditanam dan menyebabkan kekurangan daripada jumlah sebenarnya sepertimana pelan yang diluluskan sebagai sumbangan bahan tanaman kepada PBT untuk di tanam dengan kos yang ditentukan.

## 8. KELULUSAN PENGAMBILAN ALIH KERJA-KERJA LANDSKAP OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

- i. Kelulusan kerja-kerja landskap perlu melibatkan pemeriksaan pandangan darat di tapak yang dibangunkan.
- ii. Majlis Perbandaran Jasin akan menjalankan pemeriksaan pandangan darat dengan berpuas hati di atas pelaksanaan kerja-kerja landskap di tapak, pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Sokongan Landskap (C.C.C) dengan tempoh penyelenggaraan selama **6 Bulan** bagi kawasan yang akan diambil alih oleh pihak Majlis. Pihak pemaju harus memastikan kerja-kerja penyelenggaraan landskap dilakukan dengan sempurna sepanjang tempoh 6 bulan tersebut. Walau bagaimana pun bagi kawasan yang diselenggara sendiri oleh pihak pemaju/pemilik, syarat 6 bulan penyelenggaraan landskap tersebut adalah dikecualikan.
- iii. Sekiranya pihak pemaju/ pemilik gagal melaksanakan kerja penyelenggaraan landskap di tapak, pihak Majlis akan mengeluarkan surat pemakluman bagi membaiki kecacatan yang terdapat di tapak atau pihak Majlis boleh mengambil tindakan memotong wang deposit landskap pihak pemaju/pemilik.
- iv. Pihak Perunding Arkitek Landskap perlu merekodkan pendaftaran maklumat pokok yang baharu di tanam bagi projek tersebut ke dalam Sistem Inventori Pokok Negeri Melaka sebagai syarat bagi mendapatkan Surat Sokongan Landskap (C.C.C) untuk setiap pembangunan projek baharu.

## 9. KETIDAKPATUHAN CCC

- i. Sebarang kerosakkan atau keperluan pembaikan selepas Surat Sokongan Landskap (C.C.C) diperolehi bagi sesuatu projek, pihak perunding dan pemaju /pemilik perlu bertanggungjawab untuk menyelesaikan perkara tersebut.
- ii. Sekiranya pihak pemaju masih gagal mematuhi arahan untuk membaiki walaupun telah memperolehi sokongan CCC bagi sesuatu projek maka Jabatan akan melaporkan ketidakpatuhan tersebut kepada Institut Akitek Landskap dan Pertubuhan Akitek Malaysia (PAM).

## 10. PERAKUAN PERUNDING/ PEMOHON

Saya mengaku bahawa segala butiran dan keterangan yang diberi di atas adalah benar dan faham syarat-syarat serta garis panduan yang telah ditetapkan			
<b>(Arkitek Landskap)</b>		<b>(Pemohon)</b>	
Nama :		Nama :	
Alamat :		Alamat :	
No.Tel :		No.Tel :	
Tarikh :		Tarikh :	